

Kos faedah naik jika penarafan hutang negara terjejas

← Dari Ms.B1

Beliau berkata, jika penarafan hutang negara terjejas, kos faedah di negara ini akan meningkat dan kos menjalankan perniagaan juga turut tinggi.

Keadaan itu, jelasnya, akhirnya akan menjejaskan rakyat memandangkan paras hutang isi rumah di negara ini yang tinggi iaitu menghampiri paras 89 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

“Apa yang dimaksudkan dengan hutang isi rumah. Ia adalah hutang pinjaman rumah, kereta, peribadi, pelaburan dan kad kredit.

“Cuba anda bayangkan, jika kadar faedah meningkat, mereka ini (isi rumah) akan terjejas, kerana mereka perlu membayar hutang. Justeru, amat penting bagi kerajaan untuk mengurangkan defisit,” katanya dalam temu bual eksklusif bersama kumpulan akhbar The New Straits Times Press (M) Bhd, di Putrajaya, Rabu lalu.

Kerajaan mampu bayar balik hutang

+ Mengenai langkah kerajaan mengekang ketidaktentuan ekonomi global, Johari berkata, ada beberapa perkara yang boleh ditangani pada peringkat domestik, termasuk menguruskan hutang negara.

Beliau yang sebelum ini menjadi Timbalan Menteri Kewangan berkata, paras hutang negara kini adalah sekitar 54.5 peratus daripada KDNK dan penting bagi kerajaan memastikan ia mampu membayar balik hutang berkenaan.

Setakat ini, tegasnya, kerajaan belum lagi menghadapi sebarang kegagalan membayar hutang meskipun berdepan persekitaran ekonomi yang mencabar.

“Sebarang pinjaman yang kita buat, kita labur semula ke dalam ekonomi. Pinjaman kita adalah untuk membangunkan infrastruktur seperti jalan raya, lebuh raya, lapangan terbang, pelabuhan,” katanya.

Inflasi terkawal

Mengenai kadar inflasi, Johari, yang sebelum ini pernah menjadi akauntan dan ahli korporat, menjelaskan paras inflasi di negara ini masih terkawal di sekitar paras dua hingga tiga peratus.

Beliau berkata, meskipun paras inflasi itu meningkat sedikit pada 2015 susulan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), ia kini kembali ke paras normal yang terkawal.

“Kita perlukan inflasi, jika tidak ada inflasi, ia tidak baik untuk negara. Namun, kadar inflasi itu mestilah berada pada paras yang terkawal,” katanya.

Mengenai Bajet 2017, Johari berkata, pihaknya sudah mengadakan mesyuarat dengan 20 kumpulan fokus bagi mendapat maklum balas untuk merangka bajet tahun depan itu.

“Apa yang pasti, strategi dan tindakan yang akan diguna pakai dalam Bajet 2017 akan sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke-11.

“Kami akan pastikan kesejahteraan dan kehidupan rakyat tidak terjejas dan terus merangsang pertumbuhan ekonomi,” katanya.